

SENARAI USUL MBJ BAGI SESI 2018/2019**BIL 1/2018**

BIL	USUL	STATUS
1.	Mewujudkan Program Induksi Umum kepada pegawai yang baru dilantik dan bertukar masuk ke KPKT	Diluluskan - dilaksanakan mulai tahun 2018
2.	Larangan susur pejalan kaki di kawasan berhampiran kafeteria dijadikan tempat meletakkan motosikal.	Diluluskan - telah dilaksanakan dengan memasang papan tanda dan rantai
3.	Larangan merokok dengan mewujudkan zon khas merokok yang digazet dan arahan larangan di kawasan bangunan kementerian kepada kakitangan dan orang awam	Diluluskan - Tanda larangan merokok diperbanyakkan dan gambar pesalah yang ditangkap semasa operasi oleh unit Integriti diedarkan melalui emel dengan wajah dikaburkan.
4.	Melaksanakan kempen makanan seimbang dikalangan warga KPKT.	Diluluskan - Dalam proses penilaian mendapatkan pensijilan Kafeteria Sihat dari Kementerian Kesihatan Malaysia
5.	Pengusaha cafeteria KPKT mewujudkan Menu Bajet (Menu 1Malaysia) kepada pekerja berpendapatan rendah serta mempamerkan harga setiap makanan.	Diluluskan - Dilaksanakan pada kadar RM4 mulai 19 Julai 2018 kepada gred 19 kebawah yang melibatkan 329 kakitangan.
6.	Memperuntukkan sehari seminggu sebagai hari sukan peringkat KPKT untuk menggalakkan gaya hidup sihat.	Diluluskan - Hari Jumaat diisytiharkan sebagai hari sukan mulai 5.45 pm. Aktiviti diatur oleh pihak KESKEP

BIL 2/2018

BIL	USUL	STATUS
1.	Menyemak semula kaedah pelaksanaan usul Menu Bajet dengan memperkenalkan Kad Diskaun bagi memudahkan pelaksanaan kepada kumpulan sasar.	Diluluskan dengan pindaan daripada Menu Bajet kepada Menu Sejahtera. Manakala kaedah asal dikekalkan atas faktor penjimatan yang lebih tinggi dapat dinikmati berbanding dengan kaedah pemberian diskaun.
2.	Mengadakan Kursus <i>Teambuilding</i> wakil pekerja MBJ bersama mesyuarat <i>pre council</i> di luar KPKT.	Diluluskan - Diilaksanakan pada 26-29 Julai 2018 di INTURA, Sungai Petani, Kedah.
3.	Melaksanakan pusingan tugas (<i>job rotation</i>) dalaman kepada kakitangan bagi mempelbagaikan ilmu pengetahuan dan kepakaran.	Diluluskan - Mula dilaksanakan pada 24 Mei 2018 (Pengurusan dan Profesional), Manakala Ogos dan September 2018 (Khidmat Sokongan)
4.	Menganjurkan Kejohanan Sukan Dwi Tahunan Piala Pusingan KSU antara Jabatan/Bahagian/Unit dalam KPKT.	Diluluskan - Acara akan diadakan secara berasingan sepanjang tahun dan acara kemuncak diadakan pada hujung tahun oleh pihak KESKEP.

BIL 3/2018

BIL	USUL	STATUS
1.	Menganjurkan ekspidisi tahunan pendakian atau berakit bagi mengangkat nama KPKT di seluruh Negara.	Diluluskan - Dalam perancangan pihak KESKEP dan telah dilaksanakan sebelum ini secara tidak rasmi oleh ahli KESKEP.
2.	Memperkenalkan program kursus Bahasa Inggeris jangka pendek bagi memantapkan penguasaan pegawai terhadap bahasa tersebut.	Diluluskan- Akan dilaksanakan kepada kumpulan pengurusan dan profesional pada Februari 2019.

3.	Kursus-Kursus Pengurusan Stress diadakan di luar bangunan KPKT bagi memberikan kelainan suasana dan dapat mengelakkan daripada gangguan tugas hakiki.	Diluluskan - Akan dilaksanakan dalam tahun 2019.
----	---	--

BIL 4./2018

BIL	USUL	STATUS
1.	Memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) di dalam Taska KPKT bagi memudahkan pemantauan penjagaan dan aktiviti kanak-kanak.	Diluluskan – Dalam proses perolehan dan pemasangan
2.	Mewujudkan kerjasama secara bersepadu antara pihak Integriti dan RELA semasa mengadakan pemantauan kakitangan yang makan di kafeteria pada waktu bekerja bagi memastikan perlaksanaannya lebih berkesan.	Diluluskan - Sedang dalam pelaksanaan

BIL 1 /2019

BIL	USUL	STATUS
1.	Pertukaran keluar/masuk pegawai ke KPKT dibuat hebahan secara bulanan melalui emel supaya warga KPKT sentiasa mendapat maklumat berkaitan pertukaran pegawai terutamanya yang melibatkan pertukaran diperingkat Pengurusan Tertinggi/Ketua Pengarah/Setiausaha Bahagian/Ketua Unit.	Diluluskan - BSM akan mula laksanakan mulai Mac 2019
2.	Setiap Jabatan/Bahagian/Unit membuat hebahan secara infografik/poster tentang program/aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan kepada semua warga KPKT melalui e-mel supaya warga lebih peka dan faham berkenaan program/aktiviti yang dijalankan.	Diluluskan - Hebahan akan dibuat dari semasa ke semasa.
3.	Mengaktif dan menggalakkan penggunaan sistem aduan Prihatin KPKT dengan mewujudkan pautan di portal rasmi KPKT serta membuat hebahan kepada warga KPKT tentang kewujudan serta fungsi sistem berkenaan bagi memudahkan warga KPKT menyalurkan sebarang aduan/cadangan dengan lebih berkesan.	Diluluskan - BKP mula membuat hebahan rasmi bagi mengaktifkan penggunaan system Prihatin KPKT pada Mac 2019.
4.	Arahan kepada warga KPKT supaya menggunakan TAMS di pintu masuk pejabat/aras masing-masing bagi merekodkan kehadiran pada waktu pagi. Ini kerana TAMS di aras 19 telah dijadikan sasaran oleh segelintir warga KPKT untuk	Diluluskan - BKP mula mengeluarkan arahan larangan mulai Mac 2019.

	merekodkan kehadiran setelah larangan menggunakan TAMS di aras 2 dikeluarkan.	
--	---	--

BIL 2/2019

BIL	USUL	STATUS
1.	Pegawai gred 41 dan 44 dibenarkan membuat panggilan telefon keluar terus tanpa melalui khidmat telefonis KPKT untuk penyambungan talian bagi memudahkan urusan perhubungan dengan pihak luar.	Diluluskan - Pegawai atau kakitangan yang memerlukan perkhidmatan ini boleh membuat permohonan melalui Bahagian/Unit kepada BKP